

11 JUL 1999

MAHATHIR HADIRI MAJLIS BERSANDING JURUGAMBAR THE SUN

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis perkahwinan anggota polis Ibrahim Daud, 30 dan jurugambar akhbar The Sun, Norafifi Ehsan, 27, di sini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut menyempurnakan majlis menepung tawar kedua-dua mempelai dan bergambar dengan mereka di majlis yang diadakan di Kompleks Sukan Bandar Tun Razak Cheras itu.

Ibrahim merupakan anggota polis yang kerap bertugas dalam pasukan kawalan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MAM RON